



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PELAKSANAAN AKTIVITI PERGERAKAN KREATIF TERHADAP KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK TABIKA KEMAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

SUHAILA BINTI MOHD NIZOR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**KESAN PELAKSANAAN AKTIVITI PERGERAKAN KREATIF TERHADAP
KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK TABIKA KEMAS**

SUHAILA BINTI MOHD NIZOR



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022





UPSI/IPS-3/BO 32

Pind : 00 m/s: 1/1

Please tick (√)



Project Paper

Masters by Research

Master by Mixed

Mode

PhD

☐
☐
☒
☐

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 07 Jun 2022

i. Perakuan Pelajar:

Saya, SUHAILA BINTI MOHD NIZOR (M20151000508), FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk KESAN PELAKSANAAN AKTIVITI PERGERAKAN KREATIF TERHADAP KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK TABIKA KEMAS adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR LOY CHEE LUEN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN PELAKSANAAN AKTIVITI PERGERAKAN KREATIF TERHADAP KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK TABIKA KEMAS dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN.

7 Jun 2022

Date

 DR. LOY CHEE LUEN
 Associate Professor
 Department of Early Childhood Education
 Faculty of Human Development
 Sultan Idris Education University

Signature of the Supervisor





UPSI/IPS-3/BO 32

Pind : 00 m/s: 1/1



Please tick (✓)

Project Paper ☐

Masters by Research ☐

Master by Mixed Mode ☒

PhD ☐

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH/
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN PELAKSANAAN AKTIVITI PERGERAKAN KREATIF TERHADAP KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK TABIKA KEMAS

No. Matrik / Matric's No.: M20151000508

Saya / I: SUHAILA BINTI MOHD NIZOR
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuan Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan Salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

☐**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia /Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, memilih serta merancang aktiviti dan dokumentasi Pengkajian, telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada individu-individu berikut: Prof. Madya Dr. Loy Chee Luen, Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat, guru-guru dan kanak-kanak Tabika Kemas Siber, Puchong. Rakan-rakan sepengajian yang banyak memberi bantuan dan semangat dan tidak lupa kepada suami, ibu dan anak-anak yang sentiasa memberi sokongan dan motivasi sepanjang menyiapkan disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji kesan pelaksanaan aktiviti pergerakan kreatif dalam meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak Tabika KEMAS dengan mengenalpasti masalah kemahiran sosial, jenis aktiviti pergerakan kreatif yang akan dilaksanakan, dan kesannya terhadap kemahiran sosial kanak-kanak. Kajian ini melibatkan tiga fasa, di mana fasa pertama ialah memilih dan membuat perancangan aktiviti, sementara fasa kedua ialah pelaksanaan aktiviti. Fasa ketiga ialah menilai kesan aktiviti yang telah dipilih terhadap kanak-kanak. Kajian ini menggunakan Teori Pemodelan Albert Bandura dan Teori Ekologi Urie Bronfenbrenner. Pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini dengan melibatkan empat orang kanak-kanak tabika dan dua orang guru di Tabika KEMAS Siber, Puchong, Selangor. Sementara itu, tiga jenis instrumen kajian digunakan iaitu rekod berterusan, senarai semak kemahiran sosial, dan soalan temubual. Data pemerhatian, temubual, dan dokumen rasmi dianalisis secara manual oleh penyelidik. Dapatan kajian mendapati bahawa aktiviti pergerakan kreatif berkesan dalam membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak dalam bilik darjah. Kajian ini merumuskan bahawa pelaksanaan aktiviti pergerakan kreatif melalui muzik, tarian, dan drama dapat membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak tabika seperti berkongsi, empati, keterlibatan, kepimpinan, penyelesaian masalah, komunikasi, dan kerjasama. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan aktiviti pergerakan kreatif adalah sesuai diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam menerapkan kesan yang positif dalam perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak. Kajian ini mendatangkan manfaat kepada banyak pihak terutamanya kanak-kanak, sekaligus memberi input tambahan dan idea kepada guru untuk terus melaksanakan aktiviti pergerakan kreatif dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada kanak-kanak ini.





EFFECT OF IMPLEMENTATION OF CREATIVE MOVEMENT ACTIVITIES ON THE SOCIAL SKILLS OF TABIKA KEMAS CHILDREN

ABSTRACT

The purpose of this research is to investigate the effect of creative movement activities in increasing the social skills of pupils in Tabika KEMAS by identifying social skills problems in children and the types of creative movement that will be carried out, as well as its effects to the children's social skills. This work comprises three phases, wherein the first phase involves selecting and planning the activity, while the second phase is the implementation of the activity. The third phase is the feedback gained from the pupils based on the activity chosen. This study uses Albert Bandura's Modeling Theory and Urie Bronfenbrenner's Ecological Theory. Qualitative approach and case study were used in this research, involving four pupils and two teachers of Tabika KEMAS Siber in Puchong, Selangor. Meanwhile, this research utilized three instruments, which are continuous record, social skills checklist, and interview questions. The observation, interview, and official document data were manually analyzed by the researcher. The result of the research showed that the creative movement activity is effective in enhancing the social skills of the pupils in the classroom. This study concludes that the implementation of creative movement activities through music, dance, and drama can assist in improving the social skills of kindergartener, such as skills of sharing, empathy, engagement, leadership, problem solving, communication, and collaboration. Implications of the study show that the adoption of creative movement activities is suitable for teaching and learning process in providing positive effects for the development of the children's social skills. This study benefits many parties, especially the children, while providing additional input and ideas to teachers to continue implementing creative movement activities, thereby providing meaningful learning experiences to these children.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kerangka Konseptual	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.7.1 Guru-guru Prasekolah	9
1.7.2 Bidang Prasekolah	9



1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Definisi Operasional	10
1.9.1	Gerak Kreatif	10
1.9.2	Kemahiran Sosial	11
1.9.3	Aktiviti Gerak Kreatif	12
1.9.4	Penglibatan Kanak-kanak	12
1.10	Rumusan	13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Aktiviti-Aktiviti dalam Gerak Kreatif	15
2.2.1	Drama	15
2.2.2	Muzik	16
2.2.3	Tarian	17
2.3	Kemahiran Sosial Kanak-Kanak	17
2.3.1	Keterlibatan	17
2.3.2	Berkongsi	18
2.3.3	Empati	18
2.3.4	Kepimpinan	19
2.3.5	Menyelesaikan Masalah	20
2.3.6	Berkomunikasi	21
2.3.7	Berkerjasama	21
2.4	Teori yang Berkaitan	23
2.4.1	Teori Pemodelan Albert Bandura	23

2.4.2	Teori Ekologi Mengikut Bronfenbrenner	26
2.5	Kajian-Kajian Lepas	27
2.5.1	Pembangunan dan Kesahan Modul Pergerakan Kreatif dalam Elemen Drama (Petif-Ma) bagi Kanak-Kanak Prasekolah	27
2.5.2	Hubungan Emosi Malu dan Penglibatan Kanak-Kanak Prasekolah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Asas	28
2.5.3	Perkembangan Main dalam Kalangan Kanak-Kanak Awal	29
2.5.4	Kaedah Pergerakan Kreatif dalam Pembelajaran Sains di Sekolah	30
2.5.5	Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Mengikut Sikap Ibu	30
2.5.6	Pergerakan Kreatif dan Integrasi Tarian	31
2.5.7	Kesan Kemahiran Sosial Terhadap Kebebasan Kanak-Kanak	32
2.5.8	Tarian Kreatif Sebagai Alat Untuk Perkembangan Kemahiran Komunikasi dan Ekspresi Pergerakan Kanak-Kanak	33
2.5.9	Kesan Pergerakan Kreatif dan Tarian dalam Perkembangan Asas Kemahiran Motor Kanak-Kanak Prasekolah	34
2.5.10	Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Dirumah dan Disekolah	34
2.5.11	Upaya Meningkatkan Perkembangan Ketrampilan Sosial Anak Melalui Metode Sosiodrama	35
2.5.12	Main Peranan dalam Meningkatkan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak	36
2.5.13	Hubungan Antara Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah dengan Main Peranan dalam Persekitaran Luar Kanak-Kanak	36

2.5.14	Penggunaan Aktiviti Sosiodrama Mempengaruhi Kemahiran Sosial Kanak-Kanak di Tadika	37
--------	--	----

2.5.15	Think Group Share Meningkatkan Kemahiran Berkongsi dalam Kalangan Murid Prasekolah	38
--------	--	----

2.6	Rumusan	38
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	39
-----	-------------	----

3.2	Reka bentuk Kajian	40
-----	--------------------	----

3.3	Lokasi Kajian	41
-----	---------------	----

3.4	Peserta Kajian	42
-----	----------------	----

3.5	Instrumen Kajian	44
-----	------------------	----

3.5.1	Pembinaan instrumen : Aktiviti Gerak Kreatif	46
-------	--	----

3.5.2	Senarai Semak	50
-------	---------------	----

3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	51
-----	--	----

3.6.1	Kesahan	52
-------	---------	----

3.6.2	Keboleh Percayaan	52
-------	-------------------	----

3.7	Prosedur Kajian	56
-----	-----------------	----

3.7.1	Prosedur Kajian dan Kutipan Data	56
-------	----------------------------------	----

3.7.1.1	Prosedur Sebelum Kajian	57
---------	-------------------------	----

3.7.1.2	Prosedur Semasa Kajian	58
---------	------------------------	----

3.7.1.3	Prosedur Selepas Kajian	58
---------	-------------------------	----

3.7.2	Kajian Rintis	59
-------	---------------	----

3.7.3	Kajian Sebenar	59
-------	----------------	----

3.8	Prosedur Pengumpulan Data	60
-----	---------------------------	----

3.8.1	Sebelum Pengumpulan Data	61
3.8.2	Prosedur Semasa Pengumpulan Data	62
3.8.2.1	Prosedur Pengumpulan Data Melalui Pemerhatian	62
3.8.2.2	Prosedur Pengumpulan Data Melalui Temubual	63
3.8.2.3	Prosedur Pengumpulan Data Melalui Dokumen	64
3.8.3	Prosedur Selepas Pengumpulan Data	65
3.9	Rumusan	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	67
4.2	Demografi Responden	68
4.2.1	Latar Belakang Guru	68
4.2.2	Latar Belakang dan Sosioekonomi Keluarga Kanak-Kanak	70
4.2.2.1	Maklumat Sampel Kajian	71
4.3	Analisa Masalah Kemahiran Sosial dalam Kalangan Kanak-Kanak	72
4.3.1	R1	74
4.3.2	R2	75
4.3.3	R3	75
4.3.4	R4	76
4.4	Analisa Jenis Pergerakan Aktiviti Gerak Kreatif yang Berkesan untuk Membantu Kemahiran Sosial Kanak-Kanak	76
4.4.1	Implementasi Modul dan Tindak Balas Kanak-Kanak Terhadap Aktiviti Tarian	80
4.4.1.1	Aktiviti Tarian: Mari Menari, Lompat Gembira, Terbang Burung Terbang	81

4.4.1.2	Aktiviti Muzik: Mari Membentuk Huruf Vokal, Terbang Burung Terbang dan Eksplorasi Minda	90
4.4.1.3	Drama: Nenek Bestari, Pentas Idolaku dan 3, 2, 1 Action	96
4.5	Analisa Kesan Pelaksanaan Aktiviti Gerak Kreatif dalam Membantu Kemahiran Sosial Mengikut Tahap Kebolehan dan Keupayaan Kanak-Kanak	106
4.5.1	Kreatif Bersifat Ekspresif dan Penghasilan	107
4.5.2	Kreatif Bersifat Inventif dan Inovatif	110
4.5.3	Kreatif Bersifat Emergen	113
4.6	Perubahan Tingkah Laku Kanak-Kanak	117
4.7	Penutup	122

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	123
5.2	Rumusan	124
5.3	Perbincangan dan Dapatan Kajian	126
5.3.1	Keperluan dan Kesediaan Kanak-Kanak dalam Menangani Masalah Kemahiran Sosial	126
5.3.1.1	Keterlibatan	128
5.3.1.2	Berkongsi	129
5.3.1.3	Empati	130
5.3.1.4	Kepimpinan	131
5.3.1.5	Menyelesaikan Masalah	132
5.3.1.6	Berkomunikasi	132
5.3.1.7	Bekerjasama	134



5.3.2	Kepentingan Aktiviti Gerak Kreatif dalam Membantu Memperbaiki dan Memperkembang Kemahiran Sosial	137
5.3.3	Keberkesanan Aktiviti Gerak Kreatif dalam Meningkatkan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak	142
5.4	Implikasi dan Cadangan Kajian	144
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	146
5.6	Kesimpulan	147
	RUJUKAN	149
	LAMPIRAN	155



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Analisis Cadangan Pakar	50
3.2 Profil Panel Pakar	52
3.3 Analisis Tahap Persetujuan Penilai Terhadap Isi Kandungan Modul	53
3.4 Nilai Pengiraan Kesahan Isi Kandungan Modul	54
3.5 Analisis Cadangan Pakar	55
3.6 Kaedah Analisis Data	65
4.1 Latarbelakang Responden	67
4.2 Analisa Masalah Kemahiran Sosial	69
4.3 Kefahaman Guru Tentang Aktiviti Gerak Kreatif (AGK) Terhadap Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak	73
4.3 Refleksi Mari belajar menari (P119022019)	77
4.4 Persepsi Guru Tentang Gaya Pembelajaran Kanak-Kanak	82
4.5 Refleksi Mari Belajar Menari (P119022019)	87
4.6 Lompat Gembira (P221022019)	88
4.7 Mari Membentuk Huruf Vokal. (P326022019)	88
4.8 Terbang Burung Terbang (P428022019)	92
4.9 Jom Main (P505032019)	93
4.10 Refleksi Nenek Bestari (P607032019)	94



4.11	Lompat Tali (P712032019)	95
4.12	Refleksi Pentas Idolaku (P814032019)	99
4.13	Refleksi Eksplorasi Minda (P919032019)	100
4.14	3, 2, 1 Action (P1021032019)	100
4.15	Perbezaan Tahap Kemahiran Sosial Sampel Kajian Sebelum dan Selepeas Kajian	105
4.16	Perbezaan Antara Inventif dan Inovatif	112



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	8
2.1 Teori Permodelan Albert Bandura	23
2.2 Teori Ekologi Urie Bronfrenbrenner	26
3.1 Peserta Kajian	42
3.2 Fasa Pembangunan AGK	46
3.3 Fasa Pelaksanaan AGK	48
3.4 Fasa Penilaian	49
3.5 Prosedur Menjalankan Kajian	56
3.6 Tiga Kaedah Triangulasi Data Untuk Kanak-Kanak	61
4.1 Analisa Masalah Kemahiran Sosial Sampel Kajian	73
4.2 Analisa Perkembangan Kemahiran Sosial Sampel Kajian Selepas Pelaksanaan AGK	102
5.1 Pergerakan Kreatif Dalam Perkembangan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak	125

SENARAI SINGKATAN

AGK	Aktiviti Gerak Kreatif
GP	Guru Pertama
GK	Guru Kedua
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
R1	Sampel Pertama
R2	Sampel Kedua
R3	Sampel Ketiga

SENARAI LAMPIRAN

- A Analisis Skala Pencapaian Kemahiran Sosial Kanak-Kanak
- B Persetujuan Menjadi Panel Pakar
- C Instrument Pengesahan Modul ‘Aktiviti Gerak Kreatif Terhadap Kemahiran Sosial Kanak-kanak Tabika Kemas’
- D Instrumen Analisis Keperluan Modul Aktiviti Gerak Kreatif Terhadap Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Tabika Kemas
- E Analisis Skala Pencapaian Kemahiran Sosial Kanak-Kanak (Sebelum Pemerhatian)
- F Analisis Skala Pencapaian Kemahiran Sosial Kanak-Kanak
- G Teks Temubual
- H Rancangan Pengajaran Dan Pembelajaran (P119022019)
- I Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- J Rekod Berterusan (Rb119022019)
- K Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran (P221022019)
- L Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- M Rekod Berterusan (RB221022019)
- N Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran (P326022019)
- O Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- P Rekod Berterusan (RB326022019)
- Q Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran (P428022019)
- R Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- S Rekod Berterusan (RB428022019)

- T Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran (P505032019)
- U Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- V Rekod Berterusan (RB505032019)
- W Rancangan Pengajaran Dan Pembelajaran (P607032019)
- X Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- Y Rekod Berterusan (RB607032019)
- Z Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran (P712032019)
- AA Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- BB Rekod Berterusan (RB712032019)
- CC Strategi Pengajaran Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran (P814032019)
- DD Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- EE Rekod Berterusan (RB814032019)
- FF Strategi Pengajaran Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran (P919032019)
- GG Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- HH Rekod Berterusan (RB919032019)
- II Strategi Pengajaran Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran (P1021032019)
- JJ Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK
- KK Rekod Berterusan (RB1021032019)
- LL Rekod Berterusan (RB1121032019)
- MM Teks Temubual Bersama Guru Tabika GP&GK

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pergerakan kreatif merupakan satu bentuk aktiviti yang menggabungkan gerakan-gerakan fizikal anggota badan secara menyeluruh dan dilakukan secara kreatif iaitu meliputi aktiviti gerak tari bertujuan untuk membantu kanak-kanak menyelesaikan masalah dan meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Perkembangan kemahiran sosial merupakan proses mental dan tingkah laku yang mendorong seseorang dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran (Hasnida, 2015). Kemahiran sosial merujuk kepada kebolehan kanak-kanak menjalin persahabatan, bekerjasama, saling membantu, bertolak – ansur, bersabar, empati, mendengar dengan baik, melibatkan diri dengan rakan, komunikasi positif, mendengar mengikut arahan dan melakukan perkara yang diharap oleh orang



dewasa (Abdul et al, 2019). Melalui aktiviti pergerakan kreatif, kanak-kanak didedahkan dan di beri peluang dalam meneroka persekitaran, memahami dunia sebenar, meluahkan dan mendengar pendapat orang lain. Melalui pengalaman sosial, kanak-kanak dengan mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah dan penyesuaian akademik, meningkatkan hubungan kesihatan dan penyesuaian dalam situasi yang mencabar. Dalam memupuk kemahiran sosial kanak-kanak, pergerakan kreatif merupakan salah satu cara yang sesuai dan tidak membebankan minda kanak-kanak malahan memberikan suasana yang menyeronokkan kepada mereka ketika melakukan sesuatu aktiviti.

1.2 Latar Belakang Kajian



Di Malaysia, kepentingan perkembangan daya kreatif dalam pendidikan awal kanak-kanak jelas ternyata dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Matlamat dalam pembinaan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak adalah berfokus kepada kemenjadian murid yang seimbang dan holistik seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pelbagai modul disediakan untuk menjadi rujukan kepada guru prasekolah untuk persediaan pengajaran yang efektif dan berkesan, tetapi terdapat kajian yang dijalankan mendapati guru tidak bersedia dan tidak mempunyai pengetahuan yang luas dalam melaksanakan pengajaran aktiviti kreatif seperti yang dicadangkan. (Jamariah & Mahani, 2017). Kebanyakan guru sangat menekankan pembelajaran 4M iaitu membaca, mengira, menulis dan menaakul hingga menyetepikan kepentingan kemahiran sosial



kanak-kanak semata-mata mahu merealisasikan harapan ibubapa dan sekolah. Permasalahan timbul apabila kanak-kanak sekarang memiliki intelek yang tinggi tetapi rendah dari segi kemahiran sosial.

Kurikulum yang berorientasikan bermain jauh lebih baik dari berasaskan akademik. Mentaliti ibubapa di Malaysia, sangat menekankan kurikulum berasaskan akademik. Kurikulum berasaskan akademik menyebabkan kanak-kanak kurang kreatif dan mempunyai sikap negatif terhadap sekolah. Kanak-kanak prasekolah perlu memahami cara bersosial dengan rakan sebaya. Kanak-kanak mempelajari kemahiran sosial apabila diberi peluang oleh ibubapa, penjaga, guru dan rakan (Maryam Maleki, 2019).

Menurut hasil kajian oleh Szumki et al (2017), kebanyakan kanak-kanak mempunyai tahap kemahiran sosial yang rendah dari segi kerjasama dan kawalan diri. Kekangan ini perlu diatasi kerana ia memberi impak kepada fungsi seseorang dalam kehidupan. Kemahiran sosial kanak-kanak bukan hanya memberi kesan kepada interpersonal kanak-kanak tetapi juga mempengaruhi pencapaian akademik. Tahap kemahiran sosial yang rendah akan mengakibatkan kanak-kanak melewati waktu dengan rasa kesepian seperti kurang kawan, dibuli atau dipulaukan rakan sebaya. Kemahiran sosial dapat ditingkatkan melalui aktiviti bermain. Aktiviti pergerakan kreatif secara keseluruhannya menggunakan kaedah bermain bertujuan untuk meningkatkan perkembangan sosial, kognitif dan bahasa ke tahap yang maksimum (Peng & Mohd Fikri, 2020). Dalam penggunaan aktiviti gerak kreatif, kanak-kanak perlu dibimbing oleh orang dewasa supaya mereka dapat mempraktikkan kemahiran sosial dan diberi peluang untuk



perkembangan selanjutnya. Dengan cara ini, kanak-kanak akan dapat bersosial, berkelakuan dengan cara yang boleh diterima secara sosial dan belajar bertanggungjawab.

Pendidikan di Malaysia banyak memperlihatkan kualiti pembelajaran melalui keputusan peperiksaan. Sewajarnya penilaian yang dibuat perlu dijadikan panduan untuk membina atau merancang kaedah pedagogi yang lebih efektif untuk memotivasikan kanak-kanak untuk belajar dengan gembira dan mencapai kejayaan yang lebih bersifat holistik (Eda Gurbuz & Binaz Kiran, 2018). Gerak kreatif merupakan unsur yang paling tepat, perlu diterapkan dalam aktiviti pembelajaran untuk menarik minat dan mendapatkan fokus pembelajaran kanak-kanak.



Persekitaran dan budaya sekolah juga merupakan aspek penting dalam usaha meningkatkan perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak di bilik darjah. Pengurusan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, dan budaya sekolah mampu merangsang kreativiti dan tahap sosialisasi kanak-kanak. Selain itu, pengurusan bilik darjah juga perlu ditekankan supaya proses pembelajaran di bilik darjah berjalan lancar. Guru sebagai pengurus bilik darjah berperanan sebagai perancang, pengelola, pengarah dan pengawal. Guru bertanggungjawab menyediakan persekitaran fizikal bilik darjah yang efektif bagi membantu perkembangan sosial kanak-kanak dalam pembelajaran. Oleh itu, penekanan terhadap aktiviti yang kreatif dalam bilik darjah perlu menjadi amalan guru-guru di sekolah agar dapat meningkatkan motivasi kanak-kanak. Permasalahan guru kurang kreatif perlu ditangani, untuk mendapatkan suasana pembelajaran yang membina.



1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini berfokus kepada pemerhatian guru dalam mengesahkan keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Gerak Kreatif dalam memperkembang kemahiran sosial kanak-kanak. Modul ini tercetus apabila dapatan dari pemantauan luar ke premis tabika menyatakan kanak-kanak Tabika Kemas kebanyakan kurang memberi respon terhadap orang luar atas faktor malu dan kurang berkeyakinan. Situasi ini memperlihatkan beberapa permasalahan iaitu:

1. Permasalahan yang pertama ialah melibatkan tahap penguasaan kemahiran sosial kanak-kanak yang rendah walaupun mereka mempunyai tahap intelek yang tinggi. Kanak-kanak lebih selesa untuk bersifat patuh pada arahan dan tidak menunjukkan kreativiti kerana terhad dengan kawalan kelas yang ditentukan oleh guru atau keadaan dirumah.
2. Masalah kedua ialah melibatkan amalan pengajaran guru KEMAS yang kurang mempraktikkan aktiviti pergerakan kreatif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran atas alasan kurang berkemahiran, tidak berkeyakinan dan tidak mempunyai idea dalam melaksanakan aktiviti tersebut. Sesi pembelajaran masih bersifat konvensional dan kurang menarik.
3. Masalah ketiga ialah persekitaran pembelajaran yang kurang merangsang dan tidak menggalakkan kanak-kanak untuk pembelajaran gerak kreatif samada di tabika



atau rumah. Kekangan ini membataskan perkembangan kanak-kanak dari aspek kemahiran sosial kerana sering terganggu dengan keadaan persekitaran.

Pendedahan yang maksima kepada kanak-kanak dalam meneroka persekitaran dan membina pengalaman dalam sudut pergerakan kreatif amat penting kepada kanak-kanak. Ia dapat menghindar perasaan kegagalan dan memperbaiki tahap keyakinan mereka dan menghargai setiap peluang yang ada untuk memperlihatkan bakat mereka. Penggunaan pergerakan kreatif akan membantu guru melihat bagaimana kanak-kanak berfikir untuk meluahkan idea dan perasaan mereka dalam meneroka tentang diri dan persekitaran mereka. Guru juga akan mendapat idea bagaimana memanipulasi situasi untuk menggali dengan lebih dalam kelebihan kanak-kanak berasaskan minda, badan dan semangat mereka.



1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti masalah kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak.
2. Mengenalpasti jenis aktiviti gerak kreatif untuk membantu kemahiran sosial kanak-kanak.
3. Mengenalpasti kesan pelaksanaan aktiviti gerak kreatif untuk membantu kemahiran sosial kanak-kanak.




1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, tiga persoalan kajian telah dibentuk. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah masalah kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak?
2. Apakah jenis aktiviti gerak kreatif untuk membantu kemahiran sosial kanak-kanak?
3. Sejauh mana pelaksanaan aktiviti gerak kreatif dapat membantu kemahiran social kanak-kanak?

1.6 Kerangka Konseptual

05- Kerangka konsep merupakan satu bentuk kerangka yang menerangkan bentuk kajian, arah tuju kajian, format kajian dan peringkat dalam kajian secara ringkas. Bagi Pengkajian ini, Pengkaji telah membina sendiri kerangka konsep ini dan bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2012) bahawa, kerangka konsep boleh dibentuk berasaskan kepada mana-mana teori yang sudah sedia ada atau dibentuk sendiri. Kajian ini bermula dengan pengesanan masalah kemahiran sosial kanak-kanak dalam tabika Kemas. Antara masalah yang dikenal pasti ialah sukar berkongsi peralatan, empati, keterlibatan, kepimpinan, menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan bekerjasama.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk melihat keberkesanan penggunaan pergerakan kreatif dalam memperkembang kemahiran sosial kanak-kanak Tabika Kemas Siber. Kajian ini memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya golongan yang terlibat dalam pendidikan awal kanak-kanak bagi membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak untuk mencorak kejayaan secara holistik. Kepentingan kajian bagi pihak yang terlibat ialah:



1.7.1 Guru-guru Prasekolah

Dapatan kajian membantu guru mencari penyelesaian dalam mengatasi permasalahan kemahiran sosial kanak-kanak melalui aktiviti yang menyeronokkan. Memberi ilham kepada guru untuk merancang slot pengajaran yang menarik minat dan dapat mengembang kemahiran yang disasarkan. Masalah guru ialah tiada pengetahuan dan kemahiran yang mendalam tentang gerak kreatif menyebabkan unsur gerak kreatif jarang digunakan (Jamariah & Mahani, 2017).

1.7.2 Bidang Prasekolah



Kajian ini akan memberi satu penemuan baru dimana gerak kreatif akan dijadikan medium utama dalam aktiviti pembelajaran bagi menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna dan membina kanak-kanak yang lebih berketrampilan dan meletakkan perkembangan kognitif kanak-kanak selari dengan kemahiran sosial mereka. Selain itu, kajian ini dapat menghasilkan instrumen baru yang sah dan sesuai sebagai panduan oleh pengkaji lain yang ingin membuat kajian bagi topik yang berkaitan.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada beberapa aspek berikut;

1. Kajian ini bertujuan mengkaji kesan pelaksanaan aktiviti gerak kreatif dalam mengembang kemahiran sosial kanak-kanak. Kajian kes ini terhad kepada kemahiran kanak-kanak dalam berkongsi, memahami perasaan orang lain, keterlibatan dalam aktiviti, sikap kepimpinan, menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan bekerjasama.
2. Sampel kajian hanya melibatkan empat orang kanak-kanak berusia enam tahun dan dua orang guru sebagai responden dalam Tabika Kemas Siber, Puchong.
3. Kajian ini menggunakan instrumen senarai semak, rekod berterusan dan temubual. Ketepatan kajian bergantung kepada kejujuran responden memberi jawapan terhadap pernyataan yang dikemukakan dalam soalan selidik tersebut.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Gerak Kreatif

Menurut Carl Alleyne (2017), pergerakan kreatif merujuk kepada amalan yang menggunakan pergerakan, muzik, masa dan ruang secara kreatif. Di Boston Mobile Dance Studio, bergerak secara kreatif dan bagaimana tarian bermanfaat untuk sesiapa sahaja.

Pengkajian dan sains telah menunjukkan kepada kami bagaimana pergerakan kreatif bermanfaat dalam semua bidang pembangunan termasuk pembangunan anak yang sihat merangkumi perkembangan sosial, emosi, fizikal, motor dan intelektual. Pergerakan kreatif dilihat sebagai interpretasi minda, perasaan serta tanggapan idea yang dilahirkan secara simbolik melalui pergerakan. Ia memberi penekanan kepada empat elemen asas, iaitu tubuh badan, ruang, masa dan daya yang merupakan asas pergerakan untuk membolehkan kanak-kanak berkomunikasi di samping meningkatkan potensi seperti kebebasan menyatakan perasaan melalui pergerakan, ritma dan kreativiti. Dalam kajian ini, gerak kreatif merujuk kepada tiga jenis aktiviti iaitu drama, muzik dan tarian. Pembelajaran menggunakan gerak kreatif merupakan laluan kepada kanak-kanak untuk membesar secara holistik. Senario hari ini, penggunaan elemen pergerakan kreatif amat minima dalam pembelajaran kerana guru lebih menekankan aspek pembacaan dan pencapaian kognitif.

1.9.2 Kemahiran Sosial

Rusmayadi & Herman (2019) mentakrifkan kemahiran sosial adalah satu proses komunikasi, dimana seseorang mempunyai keupayaan untuk menghasilkan tingkahlaku atau respon yang sesuai secara lisan atau bukan secara lisan dalam proses berinteraksi tanpa menyakiti perasaan orang lain. Perkongsian pengalaman ibubapa dan guru pastinya memberi impak yang positif dalam meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Konsep cerminan diri akan membantu kanak-kanak mencapai kejayaan, lebih bermotivasi dan memiliki mental yang sihat. Dalam kajian ini, masalah kemahiran sosial merujuk kepada

tujuh jenis iaitu berkongsi, empati, keterlibatan, kepimpinan, menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan bekerjasama. Pengalaman dan pendedahan awal berkaitan dengan proses sosialisasi akan memberikan keyakinan kepada kanak-kanak dan ianya akan menjadi bekalan untuk berkembang dengan positif pada semua peringkat usia dalam mengatasi masalah kemahiran sosial.

1.9.3 Aktiviti Gerak Kreatif

Eleni Tsompoki (2019) menyatakan pergerakan kreatif tidak dilaksanakan berdasarkan peraturan atau pilihan yang salah. Kanak-kanak dirangsang dan mereka meneroka aktiviti mengikut pemahaman dan cara mereka yang unik. Aktiviti gerak kreatif merupakan satu garis panduan untuk guru-guru menyediakan aktiviti berasaskan pergerakan kreatif. Modul ini dibangunkan untuk membantu kanak-kanak membina kemahiran sosial. Kejayaan modul ini berdasarkan perubahan dan perkembangan kanak-kanak bukan sahaja dari aspek pembelajaran tetapi juga dalam aspek sosial.

1.9.4 Penglibatan Kanak-kanak

Menurut Zaleha Damanhuri (2017), penglibatan kanak-kanak ditakrifkan sebagai tingkahlaku yang memerlukan kanak-kanak terlibat dalam satu aktiviti. Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti akan menghubungkan antara kognitif, tingkahlaku dan emosi. Kanak-



kanak dalam kajian ini merujuk kepada kanak-kanak berumur enam tahun yang belajar di Tabika Kemas Siber. Semakin banyak aktiviti, bahan dan kepelbagaian metod pembelajaran dilaksanakan, semakin aktif penglibatan kanak-kanak (Mirzeoglu et al, 2017). Penglibatan yang aktif dari kanak-kanak menunjukkan tahap kemahiran sosial mereka berkembang dengan baik. Interaksi aktif antara kanak-kanak, guru dan persekitaran membuktikan kemahiran sosial mereka dipupuk dan berkembang secara seimbang dalam persekitaran yang berbeza samada disekolah, dirumah atau kawasan yang baru mereka kenali. Sokongan dan motivasi yang diperolehi meningkatkan tahap perkembangan mereka secara positif.



1.10 Rumusan



Secara keseluruhan Bab 1 membincangkan latar belakang kajian berkaitan kesan pelaksanaan gerak kreatif kepada perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak di Tabika Kemas. Objektif kajian dan persoalan kajian dinyatakan dan empat persoalan kajian dikemukakan bagi menentukan metodologi kajian yang akan dijalankan. Kerangka konseptual dilakar bagi menentukan pembolehubah yang akan digunakan dan beberapa istilah kajian didefinisikan bagi mengelak kekeliruan kepada pembaca.

